

26 Mac 2025

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi N.Y. Hiew
(Holdings) Sdn. Bhd.**

N.Y. Hiew (Holdings) Sdn. Bhd. telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian tahunan 4 pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan N.Y. Hiew (Holdings) Sdn. Bhd. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 8 rancangan yang diuruskan oleh N.Y. Hiew (Holdings) Sdn. Bhd.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi N.Y. Hiew (Holdings) Sdn. Bhd. pada 13/05/2025 hingga 23/05/2025. Penilaian tahunan 4 akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3-2:2022 "General principles for oil palm plantations (more than 500 hectares)". Salinan Standard MSPO 2530-3-2:2022 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
Sapang Estate	CL 105408044, Mukim Kalumpang, 91000 Tawau, Sabah.	400.93 Ha	N 4° 31' 18.4" E 118° 08' 20.4"
Magnum Estate	CL 105408044, Mukim Kalumpang, 91000 Tawau, Sabah.	603.81 Ha	N 4° 31' 18.4" E 118° 08' 20.4"
Semporna Estate	CL 105408044, Mukim Kalumpang, 91000 Tawau, Sabah.	226.43 Ha	N 4° 29' 41" E 118° 26' 22"
Sun Tai 1 Estate	CL 245340944, 47316, 47308, 47291 Mukim Kunak, Sabah.	517.30 Ha	N 4° 49' 27" E 118° 03' 41"
Tingkayu Estate	KM 32, Jalan Kunak-Lahad Datu, Tingkayu, Kunak, Sabah.	2259.27 Ha	N 4° 86' 06.9" E 118° 07' 33.8"
Copalm Estate	No 177, Jalan Bilian 91000, Tawau, Sabah.	294.57 Ha	N 4° 37' 45.0" E 118° 10' 29.9"
Balung Estate	CL 105408044, Mukim Kalumpang, 91000 Tawau, Sabah.	204.81 Ha	N 4° 29' 41" E 118° 26' 22"
Kalumpang Estate	CL 105408044, Mukim Kalumpang, 91000 Tawau, Sabah.	471.65 Ha	N 4° 61' 14.0" E 118° 31' 34"

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di N.Y. Hiew (Holdings) Sdn. Bhd. terdiri daripada:

- i) Azmi bin Adnan sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)

- ii) Asnawi Nazran bin Mohd Zaili sebagai Juruaudit (Kebolehejekan dan Kepatuhan Perundangan)
- iii) Siti Norfaidah Jastinawani bt Jasmi (Komitmen pihak Pengurusan & Alam Sekitar)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Rancangan	Tarikh	Masa	Alamat
Sapang Estate	13/05/2026	10.00 am	CL 105408044, Mukim Kalumpang, 91000 Tawau, Sabah.
Magnum Estate	14/05/2025	10.00 am	CL 105408044, Mukim Kalumpang, 91000 Tawau, Sabah.
Semporna Estate	15/05/2025	10.00 am	CL 105408044, Mukim Kalumpang, 91000 Tawau, Sabah.
Sun Tai 1 Estate	16/05/2025	10.00 am	CL 245340944, 47316, 47308, 47291 Mukim Kunak, Sabah.
Tingkayu Estate	17/05/2025	10.00 am	KM 32, Jalan Kunak-Lahad Datu, Tingkayu, Kunak, Sabah.
Copalm Estate	21/05/2025	10.00 am	No 177, Jalan Bilian 91000, Tawau, Sabah.
Balung Estate	22/05/2025	10.00 am	CL 105408044, Mukim Kalumpang, 91000 Tawau, Sabah.
Kalumpang Estate	23/05/2025	10.00 am	CL 105408044, Mukim Kalumpang, 91000 Tawau, Sabah.

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Penyelaras Skim (Pemangku)

Mohd Johari bin Md Kassim
 Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.
 No. B30, Tingkat 1,
 Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,
 25200 Kuantan Pahang
 Tel: +609-5751333.
 Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Mohd Johari bin Md Kassim

Penyelaras Skim (Pemangku)

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.